

**PERATURAN PERTANDINGAN
KEJOHANAN MEMANAH REMAJA KEBANGSAAN SIRI 1**

1.0 PERATURAN AM

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut **undang-undang World Archery (WA)** dan **Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia (NAAM)**.
- 1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirnya, maka undang-undang WA yang terkini akan dipatuhi.
- 1.3 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:
 - 1.3.1 Sebarang kejadian akan diputus berasaskan kepada **PERATURAN PERTANDINGAN KEJOHANAN MEMANAH REMAJA KEBANGSAAN SIRI 1**.
 - 1.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputus berasaskan kepada **Undang-undang WA dan NAAM**.
- 1.4 Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankausa Teknikal dan Pertandingan Kejujutan adalah muktamad.

2.0 TARIKH PERTANDINGAN

- 2.1 Tarikh pertandingan akan ditentukan oleh Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia iaitu pada 25 hingga 29 April 2018.

3.0 PENYERTAAN

- 3.1 Penyertaan adalah terhad kepada setiap negeri sahaja. Selain dari negeri, hanya ATM, PDRM, dan MASUM sahaja yang dibenarkan. Atlet-atlet dibawah program NAAM & MSNM haruslah mewakili negeri masing-masing.
- 3.2 Pendaftaran pasukan adalah melalui atas talian dan hanya boleh dilakukan oleh persatuan memanah Negeri, ATM, PDRM & MASUM.
- 3.3 Berikut adalah jadual jumlah maksimum penyertaan bagi setiap pasukan.

BIL	PASUKAN	RJM	RJW	RCM	RCW	CJM	CJW	OFF	TOTAL
1	PERLIS	8	8	8	8	8	8	8	56
2	KEDAH	8	8	8	8	8	8	8	56
3	PULAU PINANG	8	8	8	8	8	8	8	56
4	PERAK	8	8	8	8	8	8	8	56
5	SELANGOR	8	8	8	8	8	8	8	56
6	KUALA LUMPUR	8	8	8	8	8	8	8	56

7	NEGERI SEMBILAN	8	8	8	8	8	8	8	56
8	MELAKA	8	8	8	8	8	8	8	56
9	JOHOR	8	8	8	8	8	8	8	56
10	PAHANG	8	8	8	8	8	8	8	56
11	TERENGGANU	8	8	8	8	8	8	8	56
12	KELANTAN	8	8	8	8	8	8	8	56
13	SABAH	8	8	8	8	8	8	8	56
14	SARAWAK	8	8	8	8	8	8	8	56
15	LABUAN	8	8	8	8	8	8	8	56
16	PUTRAJAYA	8	8	8	8	8	8	8	56
17	WILAYAH PERSEKUTUAN	8	8	8	8	8	8	8	56
18	ATM	8	8	8	8	8	8	8	56
19	PDRM	8	8	8	8	8	8	8	56
20	MASUM	8	8	8	8	8	8	8	56
JUMLAH		160	160	160	160	160	160	160	1120

3.4 Setiap pasukan hanya dibenarkan membentuk 2 buah pasukan bagi setiap kategori.

4.0 MESYUARAT PENGURUS PASUKAN

4.1 Mesyuarat Pengurus Pasukan akan diadakan pada jam 10.00 pagi, 25 April 2018.

4.2 Pengurus pasukan dikehendaki mengemukakan Borang Pendaftaran Pasukan bersama kad pengenalan atau dokumen berkaitan yang asal untuk pengesahan.

4.3 Senarai atlet yang disahkan semasa Mesyuarat Pengurus Pasukan adalah muktamad.

5.0 KATEGORI

5.1 Acara-acara yang akan dipertandingkan adalah seperti berikut:

BIL	KATEGORI	UMUR	QUALIFICATION	INDIVIDU	BERPASUKAN CAMPURAN
1	Recurve Junior Men	17 – 21	70m Rounds	1/32	1/8
2	Recurve Junior Women	17 – 21	70m Rounds	1/32	1/8
3	Recurve Cadet Men	13 – 16	60m Rounds	1/32	1/8
4	Recurve Cadet Women	13 – 16	60m Rounds	1/32	1/8
5	Compound Junior Men	13 – 21	50m Rounds	1/32	1/8
6	Compound Junior Women	13 – 21	50m Rounds	1/32	1/8

6.0 PERALATAN PERTANDINGAN

6.1 Peralatan pertandingan yang dibenarkan adalah seperti yang termaktub dalam Undang-undang World Archery.

7.0 MASA MELAPORKAN DIRI

7.1 Setiap pasukan dikehendaki melaporkan diri kepada Ketua Hakim (Chief Judge) kejohanan untuk pemeriksaan peralatan (Equipments Inspection) pada hari latihan rasmi atau sebelum mesyuarat pengurus pasukan.

8.0 YURAN PERTANDINGAN

Atlet : RM 100.00
Pengurus/ Pegawai/ Jurulatih: RM 30.00

9.0 PENGANGKUTAN, PENGINAPAN DAN MAKANAN

Segala urusan pengangkutan, tempahan penginapan dan juga makanan adalah di bawah tanggungjawab pasukan masing-masing.

10.0 HADIAH

Hadiah adalah seperti berikut:

BIL	KATEGORI	ACARA INDIVIDU			ACARA BERPASUKAN CAMPURAN		
		EMAS	PERAK	GANGSA	EMAS	PERAK	GANGSA
1	Recurve Junior Men	1	1	1	2	2	2
2	Recurve Junior Women	1	1	1	2	2	2
3	Recurve Cadet Men	1	1	1	2	2	2
4	Recurve Cadet Women	1	1	1	2	2	2
5	Compound Junior Men	1	1	1	2	2	2
6	Compound Junior Women	1	1	1	2	2	2
JUMLAH		6	6	6	12	12	12
		54					

11.0 PEGAWAI TEKNIKAL

11.1 Pemeriksaan peralatan akan dijalankan semasa latihan rasmi.

11.2 Setiap atlet mesti memakai nombor memamah semasa latihan rasmi dan pertandingan.

11.3 Pihak Persatuan Memamah Kebangsaan Malaysia akan melantik Pegawai Teknikal terdiri daripada Ketua Delegasi Teknikal, Ketua Juri, Juri, Ketua Hakim,

Hakim, DOS, Pembantu DOS, Venue Manager dan Operator Keputusan dan Media.

- 11.4 Pegawai Teknikal hendaklah menghadiri taklimat sebelum sesuatu pertandingan bermula.

12.0 BANTAHAN/ TATATERTIB

- 12.1 Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM 300.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Sahaja).
- 12.2 Wang pertaruhan akan luput jika bantahan yang dikemukakan itu ditolak atau didapati tidak wajar.
- 12.3 Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Ketua Delegasi Teknikal dalam masa tiga puluh (30) minit selepas keputusan diumumkan.

13.0 JAWATANKUASA BANTAHAN/ TATATERTIB

- 13.1 Perlantikan Jawatankuasa Tatatertib dan prosuder aturcara mesyuarat adalah seperti yang digunakan oleh Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia yang terdiri daripada:
- 13.1.1 Pengerusi J/kuasa Pengelola atau wakil
 - 13.1.2 Pengarah Pertandingan / wakil
 - 13.1.3 Ketua Delegasi Teknikal/ wakil
 - 13.1.4 Ketua Juri
 - 13.1.5 Juri
- 13.2 Jawatankuasa Bantahan/ Tatatertib berhak mendapatkan sebarang maklumat daripada mana-mana pihak yang berkaitan dengan perkara yang dibincangkan untuk membuat keputusan.
- 13.3 Jawatankuasa Bantahan/ Tatatertib akan bersidang dalam masa dua (2) jam setelah menerima laporan daripada Ketua Delegasi Teknikal dan membuat keputusan jika tindakan tatatertib perlu diambil.
- 13.4 Segala keputusan adalah muktamad.

14.0 GANTI RUGI

- 14.1 Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia dan Jawatankuasa Pengelola Pertandingan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kemalangan atau kecelakaan yang mungkin berlaku kepada mana-mana atlet dan pegawai semasa kejohanan ini berlangsung termasuklah perjalanan dari rumah/ tempat pertandingan/ rumah.